UUM/AA88/BH/14.11.2026/P:12(1-3)

Tsunami biru di AS, sampai ke Asia Barat dan ASEAN

- Corak pengundian disebabkan protes rakyat terhadap Trump yang sangat angkuh, rasuah dan menekan, selain faktor kenaikan harga barang, bahan api
- ASEAN berharap golongan antipeperangan di AS dapat bergerak tamatkan peperangan khususnya di Asia Barat dan tegakkan semula undang-undang antarabangsa.



Profesor Politik Dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Pilihan Raya Pertengahan Penggal Amerika Syarikat (AS) yang baru selesai baru-baru ini, adalah memilih wakil ahli Kongres atau dewan perundangan diwakili Dewan Senat dan Dewan Perwakilan serta gabenor di setiap 50 negeri, termasuk wakil majlis tempatan.

Pilihan raya itu juga penting kerana mengukur pencapaian separuh penggal Donald Trump yang menjadi Presiden AS pada 2024.

Rakyat AS diminta keluar mengundi dan harus memilih kesemua 435 kerusi Dewan Perwakilan dan 35 kerusi Dewan Senat dipertandingkan.

Apa yang menarik keputusan pilihan raya itu ialah parti Demokrat yang memakai warna biru memenangi 20 daripada 35 kerusi dipertandingkan.

Terdapat dua kerusi, iaitu Alaska dan Mississippi masih belum ada keputusan dan perlu kiraan semula kerana perbezaan undi agak tipis antara Demokrat dengan parti warna merah, Republikan.

Demokrat sebenarnya sudah merampas tujuh kerusi dipegang sebelum ini oleh Republikan seperti Texas, Kansas, Maine, Ohio, Louisiana, North Carolina dan South Carolina.

Kemenangan ini menyebabkan Demokrat merampas Dewan Senat dengan 54 kerusi berbanding Republikan yang menguasai 44 kerusi daripada 100 kerusi keseluruhannya. Setiap 50 negeri di AS akan diwakili dua ahli Senat.

Sementara itu, Dewan Perwakilan juga menyaksikan Demokrat menguasai 240 kerusi berbanding 147 kerusi setakat hari artikel ini ditulis.

Ini bermakna Demokrat memperoleh majoriti di Dewan Perwakilan yang mempunyai 435 kerusi keseluruhannya. Kemenangan ini sangat mengejutkan ramai kerana tidak menyangka rakyat AS menukar dan memilih Demokrat serta mengenepikan Republikan yang sangat mendominasi politik AS dasawarsa ini.

Malah pemilihan gabenor juga membawa keputusan mengejut yang tidak pernah terjangkau pemikiran warga AS sendiri. Misalnya Keisha Lance Bottoms terpilih sebagai gabenor wanita kulit hitam pertama di AS mewakili Georgia.

Senator Muslim pertama

Abdul El-Sayed pula dipilih sebagai Muslim pertama menjadi anggota Senat di Michigan. Selain itu, Deb Haaland pula terpilih sebagai gabenor pertama dari kalangan penduduk asal AS yang mewakili New Mexico. Gina Hinojosa pula ialah gabenor pertama Texas dari Hispanic atau Latin.

Sangat menarik untuk meninjau keputusan pilihan raya AS dan menjelaskan penguasaan Demokrat dari Pantai Timur hingga Barat AS. Persoalannya kenapa keadaan begitu terjadi?

Keputusan Pilihan Raya AS memihak kepada Demokrat disebabkan calon dikemukakan berwibawa dan dikenali umum seperti El-Sayed dan Hinojosa.

Namun, corak pengundian juga disebabkan protes rakyat AS terhadap kepimpinan Trump yang dilihat sangat angkuh, rasuah dan menekan rakyat.

Kemarahan memuncak rakyat banyak juga terkait dengan beberapa faktor. Pertama, kenaikan harga barangan dan bahan api yang membebankan rakyat AS. Harga minyak mentah dunia sekarang pada kadar AS$88 bagi satu tong yang masih membebankan ekonomi AS.

Rakyat marah, harga minyak melambung

Mereka menyalahkan dasar luar AS memerangi Iran lantas menyebabkan harga minyak melambung di AS dan menjejaskan pasaran ekonomi termasuk pertanian kerana harga baja tinggi.

Kedua, tarif dikenakan Trump ke atas negara lain menyebabkan produk AS juga sukar terjual dan menerima tempias tarif balas daripada negara lain seperti China dan negara Kesatuan Eropah (EU).

Ketiga, tindakan AS juga melancarkan dasar neo-imperialisme ke atas negara luar seperti menculik bekas Presiden Venezuela, Nicholas Maduro dan cuba menguasai hasil bumi negara terbabit, mahu menguasai Greenland dan membawa Kanada menjadi negeri ke-51 AS, menawan Iran serta terus membela negara pengganas Israel menyebabkan rakyat AS menjadi bosan dengan Trump dan Republikan yang terus membela Trump dan dasar kerasnya.

Keempat, rakyat AS juga kecewa dengan dasar imigresen AS menekan pelajar antarabangsa mengikuti pengajian di AS dan mengunakan penguatkuasa ICE untuk menekan rakyat minoriti menyebabkan kerajaan pimpinan Trump menjadi tidak popular.

Persoalan di sini, apakah kesan kemenangan Demokrat kepada AS? Dijangkakan tekanan politik terhadap pentadbiran Trump akan meningkat khususnya dalam membongkarkan isu kontroversi sebelum ini seperti isu campur tangan pelobi Israel ke dalam politik AS, penjelasan mengenai skandal fail Epstein dan kelulusan Belanjawan AS.

Belanjawan perang mungkin ditolak

Kini hasrat Trump untuk mendapatkan belanjawan tambahan perang di Asia Barat mungkin akan ditolak Kongres AS. Malah Kongres AS juga boleh membawa usul untuk memecat Trump sekiranya dilihat melakukan sesuatu kesalahan bertentangan Perlembagaan Persekutuan AS.

Jadi peranan dan tingkah laku Trump akan disemak dan diimbang Kongres AS dikuasai Demokrat.

Apakah impak terkini yang boleh kita ramalkan kesan daripada pilihan raya AS ini? Trump mungkin akan memberikan fokus beliau kepada dasar luar AS berbanding dasar domestik.

Kebimbangan ialah Trump akan mengambil tindakan lebih agresif untuk melaksanakan dasar luar negara dengan meneruskan dasar tarif AS tetapi dalam masa sama mencari jalan untuk memulihkan imej AS di mata dunia.

Trump mungkin mengambil jalan menamatkan peperangan di Asia Barat sesegera mungkin. Yang menarik ialah bagaimana AS sama ada mahu terus melancarkan dasar berkonfrontasi dengan China dan meneruskan perang perdagangan dan teknologi.

ASEAN, Malaysia harap perang ditamatkan

Bagaimana pula ASEAN? ASEAN sudah pasti memantau perkembangan di AS ini dengan penuh minat. Kebimbangan ialah AS akan melancarkan dasar baharu yang boleh menambah lagi ketidaktentuan global.


Negara Asia Tenggara, terutama Malaysia mahu meneruskan hubungan baik dengan semua negara khususnya AS. Pada masa sama, negara ASEAN terus mahu menjalankan urusan dagangan dengan AS.

ASEAN juga berharap golongan antipeperangan dan antiaparteid di AS khususnya daripada Demokrat dapat bergerak dan menamatkan segera peperangan di mana-mana sahaja khususnya di Asia Barat dan menegakkan semula undang-undang antarabangsa serta peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang sering dipinggirkan Trump dan pentadbiran beliau sebelum ini.

Yang pasti, kekalahan Republikan ini menjadi pencapaian terburuk parti merah itu yang menyebabkan pemimpinnya harus memikirkan strategi seterusnya bagi memulihkan semula keyakinan rakyat AS kepada parti berkenaan.

Yang jelas, parti sayap kanan Republikan ditolak dan parti sayap kiri tengah Demokrat menjadi pilihan rakyat. Jadi mandat baharu ini adalah besar dan memberikan tsunami biru bagi parti berkenaan. Demokrat sudah tentu akan merencanakan untuk mengumpulkan kekuatan mereka dan memilih dalam kalangan mereka seorang tokoh yang boleh diangkat sebagai Presiden AS pada 2028 nanti.

Rakyat AS sudah bersuara, transformasi dimahukan dan agenda seolah fasisme ditolak.



(Foto AFP)